

# Rakyat perlu murah hati: PM

BH 27 MAY 1994

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara akan terus menikmati kestabilan dan kemakmuran jika setiap rakyat sentiasa mengamalkan sikap murah hati untuk menderma, terutama bagi membantu golongan kurang bernasib baik.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Malaysia bagaimanapun sudah mencapai satu tahap kedermawanan yang tinggi bagi membuktikan sikap penyayang mereka kerana bersedia menghulurkan sumbangan untuk setiap masa yang diperlukan.

Bercakap di majlis jamuan teh meraikan Artis dan Penderma Tabung Kesenian Orang Cacat, di

sini, hari ini, beliau berkata sikap kedermawanan itu harus terus dipupuk di sanubari rakyat kerana kekayaan yang dinikmati harus dikongsi bersama oleh semua orang.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia sebenarnya beruntung kerana menikmati kemakmuran serta kekayaan dan ia harus dikongsi bersama bagi membantu golongan kurang bernasib baik, termasuk orang cacat dan yang miskin.

"Rakyat Malaysia bagaimanapun mudah menghulurkan derma, kadangkala mereka menderma sehingga berjuta-juta ringgit.

"Setiap kita adalah berhutang kepada masyarakat. Kekayaan yang ada bukanlah hak mutlak kita,

sebaliknya kita bertanggungjawab memelihara amanah yang diberikan itu," katanya.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar, adalah antara tetamu yang hadir di majlis itu. Ia diserikan dengan pelbagai pertunjukan oleh orang cacat.

Sambil mengingatkan bahawa setiap manusia sebenarnya tidak bebas daripada 'kecacatan', Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tanggungjawab bersama masyarakat untuk mencungkil kebolehan tersembunyi yang ada pada diri orang cacat.

"Kerap kali kita lihat orang yang cacat pengli-

hatan mempunyai pendengaran yang tajam. Orang yang menghidap penyakit polio biasanya mempunyai tubuh yang lebih besar dan kuat.

"Oleh itu kita harus sanggup mencungkil kelebihan yang ada pada mereka serta menentukan mana yang boleh digunakan untuk kepentingan masyarakat seluruhnya," katanya.

Sementara itu, Napsiah berkata, kementerianya akan terus komited membantu golongan kurang bernasib baik itu, termasuk melalui usaha program pemulihan membantu orang cacat.

Menurutnya, kehadiran Dr Mahathir di majlis itu membuktikan keprihatinan beliau terhadap nasib golongan cacat.